



PELAN INDUK

KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

2016-2020

Transformasi KKP - Budaya Pencegahan





Keselamatan Dan Kesehatan Pekerjaan untuk Kesejahteraan Kita

Kementerian Sumber Manusia
Jabatan Keselamatan dan Kesehatan Pekerjaan

KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan YAB Perdana Menteri	II
Kata Alu-Aluan YB Menteri Sumber Manusia	IV
Kata Alu-Aluan Pengerusi Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara	V
Pandangan Ahli-Ahli Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	VI
Kata Alu-Aluan YBhg. Dato' Ketua Pengarah	VIII

Pengenalan

01

Sumbangan KKP Kepada Dasar Negara ..	06
Kerangka OSHMP 2020 ..	08
Visi ..	08
Misi ..	08
Keberhasilan OSHMP 2020 ..	08
Sasaran Tahun 2020 ..	08
Model Konsep Pelan Induk KKP 2016-2020 ..	09

Strategi 1 Kepimpinan Kerajaan

11

Program 1: Kerajaan Sebagai Model KKP ..	13
Program 2: Perkongsian KKP Negara (MNKKP) ..	14
Program 3: Dasar dan Perundangan ..	14
Program 4: Data dan Kajian KKP ..	15
Program 5: Keupayaan Penguat Kuasa ..	15

Strategi 2 Memperkasakan Pengurusan KKP Di Tempat Kerja

17

Program 1: Pengetahuan Dan Kemahiran KKP ..	19
Program 2: Bantuan Pematuhan KKP ..	19
Program 3: Promosi Budaya Pencegahan ..	20
Program 4: Inovasi KKP ..	20
Program 5: Penguatkuasaan KKP Berkesan ..	21
Program 6: Peningkatan Bilangan & Kualiti Pengamal KKP ..	21

Strategi 3 Perkongsian & Jaringan KKP

23

Program 1: Rangkaian dan Rantaian Pembekalan ..	25
Program 2: KKP Melalui Aktiviti Persatuan ..	25
Program 3: KKP Melalui Tanggungjawab Sosial ..	26
Program 4: KKP Kepada Bakal Pekerja ..	26

Strategi 4 Pengarusperdanaan Higien Industri

27

Program 1: Merekayasa Pengurusan Higien Industri ..	29
Program 2: Penaksiran Risiko Kesihatan Yang Menyeluruh ..	30
Program 3: Program Perkhidmatan Kesihatan Pekerja di Tempat Kerja ..	30
Program 4: Program Jangkauan Higien Industri ..	31
Program 5: Penguatkuasaan Perundangan Berkaitan Higien Industri Yang Berkesan ..	31

Strategi 5 Kesepakatan Strategik KKP di Persada Antarabangsa

33

Program 1: Kolaborasi Dengan Institut dan Pakar KKP Antarabangsa ..	35
Program 2: Kajian Piawai KKP Antarabangsa ..	35
Program 3: Jaringan Kerjasama Higien Industri di Peringkat Kebangsaan & Antarabangsa ..	35

Kata Alu-Aluan **YAB Perdana Menteri**



A handwritten signature in black ink, which appears to be the name 'Najib Razak'. The signature is written in a cursive style and is positioned above a solid black horizontal line.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri, Malaysia

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia berhadapan dengan tekanan dan cabaran besar dalam menghadapi persaingan abad ke-21. Malaysia berada dalam kalangan negara yang mencatat kadar pertumbuhan KDNK tertinggi di rantau ini.

Kualiti hidup rakyat juga telah bertambah baik berikutan peningkatan pendapatan per kapita dan pendapatan purata isi rumah. Penambahbaikan ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif pemantapan ekonomi dan tadbir urus yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Antara inisiatif utama ialah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang disokong oleh Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Dalam usaha melangkah ke hadapan, kita perlu mengharungi persekitaran global yang lebih mencabar dan kompetitif. Perkembangan teknologi semasa secara tidak langsung menggesa Kerajaan mengambil segala langkah perlu bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif serta dapat memangkin produktiviti negara.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) kerana telah berjaya menghasilkan satu dokumen lengkap hala tuju dan matlamat Kerajaan dalam memartabatkan KKP di negara ini menjadi satu bentuk pelan induk yang sangat komprehensif. Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-MP 2020) ini akan menyumbang kepada pengurangan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan sekali gus membantu Kerajaan meningkatkan kualiti hidup pekerjaan yang seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan indeks kesejahteraan rakyat. Selain daripada itu, pelan induk ini adalah manifestasi kerajaan untuk melindungi modal insan negara.

Di samping itu, saya berharap agar setiap seorang daripada kita melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam menjayakan Misi Nasional ini. Saya percaya pelan induk ini akan dapat memberikan panduan yang lebih jelas lagi terperinci kepada semua pihak berkepentingan agar mereka dapat menyumbang secara bersepadu ke arah matlamat tersebut. Justeru, saya mengharapkan supaya semua pihak dapat memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan agenda memartabatkan KKP di negara ini akan terlaksana.

Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (OSHMP2020)

ini akan menyumbangkan kepada pengurangan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan sekaligus membantu usaha-usaha Kerajaan di dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat.


Kata Alu-Aluan YB Menteri Sumber Manusia

Dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju, kita perlu memastikan majikan dan pekerja dapat bekerja dalam persekitaran yang selamat, sihat, kondusif dan produktif. Pelan induk ini adalah dokumen yang menterjemahkan hala tuju keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) negara untuk masa hadapan. Pembangunan pelan induk ini selaras dengan hala tuju Kerajaan yang setiap strateginya dirangka supaya menyokong asas ke arah pembentukan negara maju berpendapatan tinggi serta mentransformasikan negara ke arah mencapai matlamat Budaya Pencegahan menjelang 2020.

Disebabkan sumber manusia merupakan aset terpenting negara, maka keselamatan dan kesihatan pekerjaan menjadi salah satu elemen penting untuk memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk melindungi modal insan negara. Tambahan juga tahap KKP yang tinggi akan dapat membantu majikan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Menyedari hakikat ini, Kementerian Sumber Manusia melalui peranan yang dimainkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengambil langkah proaktif dalam membangunkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP 2020) untuk dijadikan asas dan hala tuju kepada aktiviti pembangunan KKP di negara ini serta mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif menjelang tahun 2020.

Akhir kata, saya mohon kerjasama semua pihak agar bersama-sama membulatkan tekad dan bersatu hati bagi menjayakan pelan induk ini. Proses mentransformasikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini menuntut kita supaya bekerja keras untuk terus mara ke hadapan dalam menjayakan Misi Nasional dan Wawasan 2020.



Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem
Menteri Sumber Manusia, Malaysia

Pelan Induk ini
dibangunkan selaras
dengan halatuju
kerajaan di mana
setiap strategi yang
dibangunkan adalah
menyokong asas-asas
ke arah sebuah Negara
Maju Berpendapatan
Tinggi



Kata Alu-Aluan **Pengerusi Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia akan terus melaksanakan pelbagai usaha bagi menangani isu berkaitan KKP. Ini termasuklah merangka strategi baharu dan meningkatkan penguatkuasaan KKP di tempat kerja...



Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) atas komitmen tinggi dalam menghasilkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP) 2020. Syabas dan Tahniah saya ucapkan.

Sumbangan setiap pekerja adalah penting dan bermakna dalam usaha menuju status sebuah negara maju menjelang 2020. Kerajaan sedar bahawa seiring dengan pelaksanaan dasar-dasar transformasi negara, risiko berkaitan KKP juga semakin meningkat. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan sentiasa dikaji dan dirangka supaya seiring dengan keperluan semasa.

Dalam hal ini, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia akan terus melaksanakan pelbagai usaha bagi menangani isu berkaitan KKP. Ini termasuklah merangka strategi baharu dan meningkatkan penguatkuasaan KKP di tempat kerja, menggubal peraturan dan standard, menjalankan latihan dan aktiviti promosi mengenai aspek KKP di setiap sektor pekerjaan.

Bagi memantapkan lagi sistem KKP di negara kita, Kerajaan melancarkan OSHMP 2020 yang akan memberi tumpuan penerapan nilai budaya pencegahan (preventive culture) bagi memperkukuhkan lagi pembentukan "Budaya Kerja Sihat dan Selamat" di kalangan majikan dan pekerja. Ia merupakan kesinambungan kepada penerapan nilai-nilai kebertanggungjawaban dan peraturan sendiri dalam dua pelan induk sebelum ini.

Harapan saya kepada semua pihak berkepentingan supaya menyokong usaha Kerajaan mentransformasi KKP di negara ini ke arah pembentukan budaya kerja selamat dan sihat. Pembentukan budaya kerja selamat dan sihat ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa kerjasama dan sokongan padu semua pihak khususnya dalam mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd Muttalib
**Pengerusi Majlis Negara Bagi Keselamatan
Dan Kesihatan Pekerjaan**

Pandangan Ahli-Ahli Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

“**OSHMP 2020** diharap akan menjadi mekanisma kerjasama antara agensi dalam menangani isu berkaitan penyakit dan keracunan pekerja secara berkesan.”

Dr. Priya a/p Ragunath

*Pengerusi Persatuan Perubatan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (SOEM),
Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).*



“**OSHMP 2020** merupakan rujukan kepada halatuju negara ke arah membudayakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat. PKS menyumbang 63 peratus daripada jumlah guna tenaga di Malaysia. Produktiviti PKS dijangka dapat meningkatkan dengan adanya pelan induk ini melalui peningkatan kesedaran terhadap isu-isu keselamatan dan kesihatan yang lebih menyeluruh dan terperinci. PKS yang merupakan tulang belakang serta penyumbang utama pembangunan ekonomi negara bagi mencapai Wawasan 2020 perlu mengambil langkah proaktif dengan menjadikan dokumen ini sebagai rujukan didalam perancangan strategik syarikat masing-masing.”

Isham bin Ishak

Ketua Pegawai Operasi SME Corp Malaysia

“Kita amat berharap **OSHMP 2020** akan dapat menambahbaik aspek keselamatan dan kesihatan pekerja di semua sektor khususnya di sektor perusahaan kecil dan sederhana. Keselamatan dan kesihatan pekerja harus diutamakan supaya dapat meningkatkan kebajikan dan produktiviti pekerja”.

Michael Kang Hua Keong

Presiden, Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Association of Malaysia)





“Melangkah ke hadapan, kita membayangkan selain daripada evolusi ekonomi yang ketara, akan berlaku suatu transformasi yang besar kepada industri-industri melalui teknologi, proses, aplikasi, bahan-bahan alternatif dan set kemahiran baru yang seterusnya menghasilkan suatu perjalanan dan implikasi yang belum diterokai kepada KKP. **OSHMP 2020** ini boleh dipuji dan merupakan langkah yang betul dalam menangani keperluan KKP untuk bergerak ke hadapan. Tahniah!”

Lt Kol (K) Dr Sam Quah
Council member MEF

“Pelancaran **OSHMP 2020** ini merupakan usaha yang amat baik bagi memastikan seluruh warga kerja sentiasa di dalam keadaan sihat dan berwaspada selalu terutama ketika menjalankan tugas dan kehidupan seharian”

Matkar bin Siwang
Naib Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)



“Kita berharap orang-orang kompeten di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan memainkan peranan untuk menjayakan pelan induk keselamatan dan kesihatan pekerjaan mengikut kepakaran masing-masing agar sejajar dengan teknologi KKP diperingkat global”.

Pn. Hjh Maimunah binti Khalid
Presiden Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH)

“Pihak kerajaan, majikan serta pekerja perlu berganding bahu bagi memastikan **OSHMP 2020** ini berjaya dilaksanakan’.

Pn. Zaidah binti Hussain
*Pengurus Cawangan Kumpulan Yayasan Sabah
(Cawangan Kuala Lumpur)*



Kata Alu-Aluan **Ketua Pengarah**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah keberkatanNya, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dapat menyempurnakan tanggungjawab bagi melaksanakan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2011-2015 (OSH-MP 15) yang terdahulu. Detik paling bermakna adalah apabila sebahagian besar daripada apa yang termaktub dalam pelan induk ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, dan seterusnya mencapai matlamat yang telah disasarkan.

Pelbagai alternatif diambil bagi memastikan tahap perkhidmatan yang berkualiti terus diberikan dan ditingkatkan dari semasa ke semasa, termasuklah penyediaan pelan induk 2016-2020 ini, sebagai kesinambungan usaha Kerajaan ke arah mencapai status negara maju dengan mengamalkan nilai Budaya Pencegahan menjelang tahun 2020. Melalui pelan induk ini, beberapa objektif telah dikenal pasti dan perlu dilaksanakan segera, antaranya pengurangan kadar kematian kepada 4.36/100,000 pekerja, pengurangan kadar kemalangan kepada 2.53/1,000 pekerja, serta peningkatan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan sebanyak 30% menjelang tahun 2020.

Saya berharap agar pelan induk yang dibangunkan ini dapat melonjakkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan ke peringkat yang lebih tinggi dalam melindungi majikan dan pekerja di negara ini. Semua pihak perlu terus menggembleng tenaga dan usaha untuk menjadikan KKP sebagai salah satu penyumbang kepada usaha merealisasikan matlamat negara ke arah pembentukan negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Semoga semua tindakan yang diambil ini akan memberikan manfaat dan impak yang menyeluruh kepada semua pihak khususnya majikan dan pekerja, yang mengimpikan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan harmoni. Bersama-samalah kita saling membantu bagi memastikan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020 ini mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

Selamat Maju Jaya.



Dato' Ir Mohtar Bin Musri
**Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan
Dan Kesihatan Pekerjaan, Malaysia**

Pelbagai alternatif diambil bagi memastikan tahap perkhidmatan yang berkualiti terus diberikan dan ditingkatkan dari semasa ke semasa, termasuklah penyediaan pelan induk 2016-2020 ini





PENGENALAN

PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2016-2020

SUMBANGAN KKP KEPADA DASAR NEGARA

VISI

MISI

KEBERHASILAN OSHMP 2020

SASARAN TAHUN 2020

Pengenalan

RMKe-11 dirangka dengan memberikan keutamaan kepada rakyat dalam semua usaha pembangunan. Ekonomi berteraskan rakyat akan diberikan keutamaan. Pendekatan ini mengukuhkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup, martabat dan potensi rakyat untuk memanfaatkan pembangunan dan kemajuan ekonomi.

PELAN PEMBANGUNAN KKP 2006-2020

BUDAYA KERJA SELAMAT DAN SIHAT



KEBERHASILAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

SPBP 2006-2010

- Meningkatkan kecekapan pegawai & pengamal KKP
- Pakatan strategik
- Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan
- Memberi tumpuan kepada sektor-sektor kritikal (PKS, Tapak Bina, Pertanian, Pengangkutan & Sekolah)
- Menjalankan R&D
- Meningkatkan kepimpinan kerajaan
- Sistem Pengurusan KKP

KEBERHASILAN PERATURAN KENDIRI

OSH-MP 2011-2015

- Rangka kerja Dasar KKP Kebangsaan
- Meningkatkan kerjasama tiga pihak
- Menggalakkan budaya pencegahan
- Kemahiran & kecekapan baru diperolehi & dibangunkan
- Pakatan strategik di peringkat serantau
- Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan
- Memberi tumpuan kepada isu, ergonomik, tekanan & lain-lain
- R&D - berstruktur & ditakrifkan
- Meningkatkan kepimpinan (majikan / kesatuan)
- Fokus Perniagaan - Meningkatkan PKS
- Sistem Pengurusan KKP ditempatnya

KEBERHASILAN BUDAYA PENCEGAHAN

OSHMP 2016-2020

- Meningkatkan kesedaran awam berkenaan KKP
- Pengaturan sendiri menjadi amalan
- Dasar Negara & rangka kerja mengenai KKP ditubuhkan
- Menggalakkan budaya pencegahan & amalan baik
- Membangunkan kumpulan pakar dalam pelbagai bidang & kemahiran
- Pakatan strategik di peringkat antarabangsa
- Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan
- Memberi tumpuan kepada hazard baru
- R&D - hasil penyelidikan yang dipacu
- Meningkatkan kepimpinan
- Sistem Pengurusan KKP sebagai sebahagian daripada perniagaan

Selaras dengan matlamat mencapai status negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020, semua lapisan masyarakat perlu mendapat faedah daripada kemakmuran ekonomi negara. Sehubungan itu, buat pertama kali sasaran pertumbuhan negara bukan sahaja akan diukur berdasarkan pertumbuhan KDNK dan pendapatan per kapita, tetapi juga mengambil kira pendapatan isi rumah dan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia. Usaha ini bertujuan untuk menilai impak pertumbuhan ekonomi terhadap kesejahteraan rakyat.

Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020 (OSHMP 2020) merupakan strategi dan program yang dirangka bagi melonjakkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) negara ke peringkat yang lebih cemerlang untuk melindungi sumber manusia negara yang merupakan aset penting dalam menjayakan program pembangunan negara bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

Tahap KKP yang cemerlang akan meningkatkan kualiti hidup pekerjaan para pekerja dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan indeks Komponen Persekitaran Kerja di bawah Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia sejajar dengan dasar dan pelan transformasi negara dalam mencapai Wawasan 2020.

Pelan induk ini adalah kesinambungan daripada dua pelan strategik lima tahun KKP terdahulu yang telah bermula pada tahun 2006 dengan matlamat untuk membentuk Budaya Kerja Selamat dan Sihat di kalangan majikan dan pekerja. Budaya Kerja Selamat dan Sihat merupakan tonggak dalam menjadikan tempat kerja di Malaysia selamat dan sihat melalui program strategik pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan.

Strategi utama **OSHMP 2020** adalah untuk menerapkan Budaya Pencegahan di tempat kerja. Pendekatan ini akan meneruskan pelaksanaan dan penerapan prinsip kebertanggungjawaban dan peraturan sendiri yang telah dilaksanakan di bawah dua pelan strategik KKP sebelum ini ke arah memantapkan pembentukan Budaya Kerja Selamat dan Sihat di kalangan majikan dan pekerja.



BUDAYA PENCEGAHAN

TANGGUNGJAWAB DAN KOMITMEN MAJIKAN DAN PEKERJA

MENGHORMATI HAK PEKERJA TERHADAP KKP


PENGLIBATAN PEKERJA DI DALAM AKTIVITI KKP

PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PENGURUSAN KKP YANG CEKAP

Budaya Pencegahan menekankan nilai kesedaran, tanggungjawab dan komitmen majikan dan pekerja, menghormati hak pekerja terhadap KKP, menggalakkan penglibatan pekerja dalam aktiviti KKP, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran KKP serta mengamalkan pengurusan KKP yang cekap berteraskan pengurusan risiko yang berkesan. Keberhasilan yang diidamkan adalah untuk mentransformasikan tempat kerja di negara ini menjadi persekitaran yang selamat dan sihat dalam melindungi modal insan negara, iaitu para pekerja.

Pencapaian prestasi KKP negara sejak pelaksanaan dua pelan strategik sebelum ini menunjukkan kesan positif terhadap peningkatan indeks komponen Persekitaran Kerja di bawah Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia melalui penurunan bilangan dan kadar kemalangan di tempat kerja.

KEMALANGAN INDUSTRI



Pada tahun 2005, sebanyak 51,829 kemalangan industri telah dilaporkan. Analisis menunjukkan berlaku 6.93 kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja dan 5.16 kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja. Pada tahun 2015, bilangan kemalangan menurun kepada 38,753 kes. Manakala kadar kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja pula menurun kepada 4.84 dan kadar kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja menurun kepada 2.81. Dalam melangkah ke hadapan untuk setanding dengan negara maju, kadar kemalangan dan kadar kematian ini perlu dikurangkan lagi.

Manakala bagi higien industri, sebanyak 1,198 kes penyakit dan keracunan

pekerjaan dilaporkan kepada pihak Jabatan pada tahun 2011 berbanding dengan 5,617 kes pada tahun 2015. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan bagi tempoh 2011-2015 adalah sebanyak 13,843 kes. Walau bagaimanapun, bilangan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan masih lagi rendah jika dibandingkan dengan bilangan pelaporan di negara maju. Ini menunjukkan bahawa isu yang sering dihadapi oleh kebanyakan negara, termasuk Malaysia adalah kes penyakit pekerjaan yang tidak dilaporkan.

Dengan keyakinan bahawa Budaya Kerja Selamat dan Sihat akan meningkatkan kesejahteraan majikan, pekerja dan negara, pelan lima tahun OSH-MP 2020 memfokuskan usaha untuk menurunkan kadar kemalangan dan maut sebanyak 10% iaitu kepada 2.53 kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja dan 4.36 maut bagi setiap 100,000 pekerja menjelang tahun 2020. Pelan induk KKP ini juga akan memastikan peningkatan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan sebanyak 30% berbanding pada tahun 2015 menjelang tahun 2020.

JUMLAH KES PENYAKIT & KERACUNAN PEKERJAAN YANG DILAPORKAN PADA



OSHMP 2020 menggunakan lima strategi utama yang berteraskan usaha untuk meningkatkan kesedaran, tanggungjawab dan komitmen pihak berkepentingan

Bagi mencapai hasrat ini, **OSHMP 2020** menggunakan lima strategi utama yang berteraskan usaha untuk meningkatkan kesedaran, tanggungjawab dan komitmen pihak berkepentingan terhadap KKP. Semua pihak perlu bergerak seiring dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing untuk menjadikan tempat kerja selamat dan sihat melalui penerapan Budaya Pencegahan. Kelima-lima strategi tersebut adalah Kepemimpinan Kerajaan, Pemeraksanaan Pengurusan KKP, Perkongsian dan Jaringan KKP, Pengarusperdanaan Higien Industri dan Kesepakatan KKP di Persada Antarabangsa.

Lima strategi **OSHMP 2020** ini seterusnya akan disokong oleh pelbagai program dan aktiviti yang tertumpu pada pembentukan Budaya Pencegahan dalam kalangan majikan dan pekerja. Bagi memastikan kejayaannya, selain komitmen majikan dan pekerja, **OSHMP 2020** turut menggariskan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan seperti Kerajaan, persatuan, orang yang kompeten dan pihak lain yang mempunyai hubung kait dan pengaruh dengan majikan dan pekerja.



Penglibatan dan kerjasama semua pihak merupakan tonggak kepada kejayaan pelan induk ini yang akan menghasilkan peningkatan kualiti hidup pekerjaan para pekerja, peningkatan produktiviti serta daya saing organisasi dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia yang menjadi petunjuk kepada kualiti hidup rakyat Malaysia.

Sumbangan KKP Kepada Dasar Negara

Matlamat OSHMP 2020 adalah untuk meningkatkan kualiti hidup pekerjaan modal insan negara melalui pencegahan kemalangan dan penyakit di tempat kerja. Persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif (salah satu komponen di bawah Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia) akan menjadikan pekerja sihat, produktif dan berinovasi. Seterusnya, ini akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan daya saing organisasi. Pekerja yang sihat, produktif dan berinovasi amat diperlukan oleh negara untuk mencapai matlamat dasar pembangunan nasional seperti Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

KKP UNTUK KESEJAHTERAAN PEKERJA

Persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif akan memberikan manfaat kepada pekerja seperti yang berikut:



- Meningkatkan keyakinan pekerja untuk melaksanakan kerja secara produktif.
- Menjamin keupayaan bekerja melalui pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan yang boleh menyebabkan kesihatan terjejas, kecederaan dan kematian.
- Mengelak daripada menjadi beban kepada keluarga, masyarakat dan negara akibat kemalangan dan penyakit pekerjaan.
- Memberikan kesan positif terhadap kualiti hidup pekerjaan dan kualiti hidup pekerja; dan
- Meningkatkan moral pekerja.

KKP UNTUK KESEJAHTERAAN MAJIKAN



PENINGKATAN PRODUKTIVITI

Persekitaran tempat kerja yang selamat, sihat dan kondusif:



- Meningkatkan produktiviti pekerja.
- Mengurangkan ketidakhadiran pekerja akibat masalah kesihatan dan kecederaan.
- Mencegah kehilangan pekerja mahir akibat kemalangan dan penyakit pekerjaan.
- Operasi organisasi berjalan lancar tanpa pemberhentian akibat kemalangan.

MENINGKATKAN DAYA SAING ORGANISASI



- Memenuhi syarat KKP yang ditetapkan oleh pelanggan organisasi.
- Meningkatkan penarafan organisasi.
- Meningkatkan imej organisasi.
- Menjadi tarikan kepada pengambilan pekerja baharu dan meningkatkan kesetiaan pekerja untuk terus bekerja dengan organisasi.

MENGURANGKAN KOS PERNIAGAAN



- Tiada kenaikan premium insurans.
- Tiada kehilangan pekerja mahir.
- Mengelakkan pembayaran pampasan akibat kemalangan.
- Mengelakkan kos pengendalian kemalangan.
- Mengelakkan kemusnahan harta benda.
- Mengelakkan denda mahkamah.
- Mengelakkan kos pembaikan tempat kerja.

SOKONGAN DAN SUMBANGAN OSH-MP 2020 KEPADA RMKE-11

- Melindungi modal insan negara daripada kehilangan akibat daripada kemalangan dan penyakit di tempat kerja.
- Menyokong program kesejahteraan rakyat melalui program peningkatan kualiti hidup pekerjaan.
- Melindungi pekerja dan rakyat semasa pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur negara.
- Meningkatkan kualiti hidup pekerjaan yang seterusnya akan meningkatkan kualiti hidup rakyat.
- Meningkatkan produktiviti pekerja dan organisasi.
- Meningkatkan daya saing organisasi bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.
- Menyokong pemeliharaan alam sekitar.
- Melancarkan pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur melalui pencegahan kemalangan.
- Mengelakkan kerugian kepada negara akibat kemalangan dan penyakit pekerjaan.

INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA (IKRM) 125.4

Kesejahteraan Ekonomi	133.3
Pengangkutan	136.9
Komunikasi	136.2
Pendidikan	132.9
Pendapatan & Pengagihan	131.8
Persekitaran Kerja	128.6

Kesejahteraan Sosial	121.0
Perumahan	136.9
Liburan	131.4
Tadbir Urus	128.1
Keselamatan Awam	125.6
Penyertaan Sosial	120.6
Kebudayaan	120.3
Kesihatan	114.1
Alam Sekitar	107.3
Keluarga	104.6

Sumber: Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013, Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Indeks komponen persekitaran kerja meningkat kepada **128.6** mata pada tahun 2012. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh kadar kemalangan di tempat kerja yang rendah dan pengurangan bilangan pertikaian perusahaan dan purata jam bekerja. Ini mencerminkan kewujudan **persekitaran kerja** yang lebih kondusif dan hubungan majikan pekerja yang lebih harmoni.

PERSEKITARAN KERJA



1 Pertikaian perdagangan (-)

Merujuk kepada bilangan pertikaian difailkan di antara majikan dan pekerja-pekerja beliau mengenai isu-isu berkaitan dengan pekerjaan atau bukan pekerjaan atau terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan atau keadaan kerja.

2 Kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan ('000) (-)

Merujuk kepada bilangan jumlah hari bekerja kalah kepada-tarikh atau dalam tempoh (biasanya satu tahun) atas sebab-sebab seperti kemalangan, sekat masuk atau mogok.

3 Kemalangan industri (-)

Merujuk kepada bilangan kematian, hilang upaya kekal dan hilang upaya sementara akibat kemalangan di tempat kerja dan penyakit pekerjaan.

4 Purata jam bekerja (-)

Merujuk kepada purata jam setiap minggu kerja di kalangan orang yang diambil kerja. Data merujuk kepada jumlah jam bekerja dan dibahagikan dengan jumlah bilangan pekerjaan. waktu kerja Standard negara-negara di seluruh dunia adalah sekitar 40 hingga 44 jam seminggu.

Seiring dengan hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kualiti persekitaran kerja menjadi faktor yang semakin penting mempengaruhi kesejahteraan hidup. Kualiti persekitaran kerja boleh diukur daripada pelbagai aspek penambahbaikan dalam suasana kerja. Penambahbaikan sedemikian dapat meningkatkan tahap kepuasan dalam kalangan pekerja, produktiviti dan pencapaian yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup. Empat indikator utama digunakan dalam menilai kualiti persekitaran kerja iaitu kadar kemalangan di tempat kerja, pertikaian perusahaan, kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan dan purata jam bekerja.

Kerangka OSHMP 2020

1

Meningkatkan Produktiviti

2

Meningkatkan Kualiti Persekitaran Kerja

3

Menyumbang Kepada Kualiti Hidup Rakyat



Membudayakan Kerja Selamat dan Sihat untuk Kesejahteraan Pekerja, Majikan dan Negara

Budaya Kerja Selamat dan Sihat dalam konteks persekitaran kerja adalah amalan bekerja secara selamat dan sihat yang ditakrifkan sebagai nilai asas yang melindungi serta meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan individu dan alam sekitar.



Menerapkan Budaya Pencegahan di Tempat Kerja

Budaya Pencegahan menekankan nilai kesedaran, tanggungjawab dan komitmen majikan dan pekerja, menghormati hak pekerja terhadap KKP, menggalakkan penglibatan pekerja dalam aktiviti KKP, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran KKP serta mengamalkan pengurusan KKP yang cekap berteraskan pengurusan risiko yang berkesan. Keberhasilan yang diidamkan adalah untuk mentransformasikan tempat kerja di negara ini menjadi persekitaran yang selamat dan sihat dalam melindungi modal insan negara, iaitu para pekerja.

Keberhasilan OSHMP 2020



- Pemantapan kesedaran, tanggungjawab dan komitmen majikan dan pekerja terhadap KKP.
- Peningkatan kecekapan pengurusan KKP berteraskan pengurusan risiko yang berkesan.
- Majikan dan pekerja memiliki pengetahuan dan kemahiran KKP yang mencukupi.
- Peningkatan penglibatan, kerjasama dan sokongan pekerja dalam aktiviti KKP.
- Peningkatan kualiti hidup pekerjaan.
- Peningkatan produktiviti organisasi dan daya saing negara.

Sasaran Tahun 2020



Pengurangan kadar kematian
4.36/100,000
pekerja



Pengurangan kadar kemalangan
2.53/1000
pekerja



Peningkatan pelaporan penyakit & keracunan pekerja
30%

Model Konsep Pelan Induk KKP 2016-2020

VISI

Membudayakan Kerja Selamat dan Sihat untuk kesejahteraan pekerja, majikan dan Negara.

MISI


Menerapkan Budaya Pencegahan di Tempat kerja

SASARAN

4.36/100,000 pekerja
Pengurangan kadar kematian

2.53/1,000 pekerja
Pengurangan kadar kemalangan

30%
Peningkatan pelaporan penyakit & keracunan pekerja



KEPIMPINAN KERAJAAN

- Program 1**
Kerajaan Sebagai Model KKP
- Program 2**
Perkongsian KKP Nasional (MNKKP)
- Program 3**
Dasar & Perundangan
- Program 4**
Data & Kajian KKP
- Program 5**
Keupayaan Penguatkuasa



MEMPERKASAKAN PENGURUSAN KKP DI TEMPAT KERJA

- Program 1**
Pengetahuan & Kemahiran KKP
- Program 2**
Bantuan Pematuhan KKP
- Program 3**
Promosi Budaya Pencegahan
- Program 4**
Inovasi KKP
- Program 5**
Penguatkuasaan KKP Berkesan
- Program 6**
Meningkatkan Bilangan & Kualiti Pengamal KKP



PERKONGSIAN DAN JARINGAN KKP

- Program 1**
Rangkaian & Rantaian Pembekalan
- Program 2**
KKP Melalui Aktiviti Persatuan
- Program 3**
KKP Melalui Tanggungjawab Sosial
- Program 4**
KKP Kepada Bakal Pekerja



PENGARUSPERDANAAN HIGIEN INDUSTRI

- Program 1**
Merekayasa Pengurusan Higien Industri
- Program 2**
Penaksiran Risiko Kesihatan Yang Menyeluruh
- Program 3**
Program Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan Di Tempat Kerja
- Program 4**
Program Jangkauan Higien Industri
- Program 5**
Penguatkuasaan Perundangan Berkaitan Higien Industri Yang Berkesan



KESEPAKATAN STRATEGIK KKP DI PERSADA ANTARABANGSA

- Program 1**
Kolaborasi Dengan Institut & Pakar KKP Antarabangsa
- Program 2**
Kajian Piawai KKP Antarabangsa
- Program 3**
Jaringan Kerjasama Higien Industri Di Peringkat Kebangsaan & Antarabangsa





KEBERHASILAN

- Sektor awam mengamalkan pengurusan KKP yang berkesan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan penjawat awam terjamin.
- Sektor awam dapat mempengaruhi dan menerapkan Budaya Pencegahan dalam kalangan pihak industri.
- Dasar dan perundangan KKP yang berkesan dapat menangani isu KKP dan mampu menerapkan Budaya Pencegahan di tempat kerja.
- Pengukuhan peranan MNKKP dalam meningkatkan penglibatan, kerjasama dan sumbangan semua pihak yang berkaitan bagi memantapkan tahap KKP negara.
- Pewujudan sistem pengumpulan data yang komprehensif dan pelaksanaan kajian KKP untuk membantu menyelesaikan isu KKP serta mengukur kemajuan dan prestasi KKP negara.
- Peningkatan keupayaan penguat kuasa KKP dalam merancang, membangun dan melaksanakan dasar dan perundangan KKP dengan berkesan.
- Peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan dan kemudahan KKP kepada pihak industri.

STRATEGI 1

KEPIMPINAN KERAJAAN

PROGRAM 1: KERAJAAN SEBAGAI MODEL KKP

PROGRAM 2: PERKONGSIAN KKP NASIONAL (MNKKP)

PROGRAM 3: DASAR DAN PERUNDANGAN

PROGRAM 4: DATA DAN KAJIAN KKP

PROGRAM 5: KEUPAYAAN PENGUATKUASA

STRATEGI 1

KEPIMPINAN KERAJAAN



Sebagai penggubal dan pelaksana dasar dan perundangan, Kerajaan merupakan pemacu utama bagi memastikan peningkatan tahap KKP negara melalui pelbagai kaedah dan pendekatan untuk mempengaruhi dan menerapkan Budaya Pencegahan di tempat kerja.

Agensi Kerajaan boleh bertindak sebagai model kepada pihak industri melalui pengamalan Budaya Pencegahan KKP dalam kalangan penjawat awam. Memperkasakan pengurusan KKP dalam kalangan agensi Kerajaan akan menjadi contoh kepada pihak industri untuk bersama-sama menyokong pelan induk ini. Agensi Kerajaan juga berperanan mempengaruhi tahap KKP industri dengan menerapkan KKP sebagai syarat yang perlu dipatuhi dalam pemilihan pembekal dan kontraktor yang ingin menyampaikan perkhidmatan mereka kepada Kerajaan.

Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP), sebagai badan tripartite tertinggi negara, boleh memperkukuh kepemimpinan Kerajaan dalam KKP dengan memainkan peranannya meningkatkan penglibatan dan kerjasama agensi Kerajaan, majikan, pekerja, persatuan dan kesatuan industri, pemegang taruh serta pihak berkepentingan melalui sumbangan idea dan cadangan dalam memantapkan pengurusan dan tadbir urus KKP negara. MNKKP juga menerusi pendekatan peraturan sendiri memainkan peranan dengan menggalakkan pembangunan garis panduan, latihan, penyebaran dan perkongsian maklumat KKP di samping promosi dan kempen yang dijalankan oleh pihak industri.



Dasar dan perundangan KKP pula merupakan ejen perubahan utama yang akan bertindak sebagai acuan kepada pembentukan Budaya Pencegahan di tempat kerja. Pembangunan dan penyemakan dasar dan perundangan KKP secara berterusan oleh Kerajaan adalah penting bagi memastikan keberkesanan dan kesesuaian dengan perubahan dan pembangunan industri, perniagaan, pengetahuan dan teknologi dalam menyelesaikan isu KKP yang sedia ada dan baharu serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada pihak industri.



Selain itu, penyelesaian isu dan pengukuran prestasi KKP negara amat bergantung pada pengumpulan data yang komprehensif dan pelaksanaan kajian KKP. Dalam hal ini, Kerajaan perlu terus memperkasakan sistem pengumpulan dan analisis data KKP negara bagi mengenal pasti keutamaan dalam menangani isu KKP dan juga untuk tujuan mengukur kemajuan dan prestasi KKP negara.

Seiring dengan perubahan dan pembangunan industri dalam pelbagai bidang kesan daripada dasar Kerajaan ke arah mencapai status negara maju, keupayaan penguat kuasa KKP juga perlu ditingkatkan bagi memastikan pembangunan dan pelaksanaan dasar Kerajaan yang berkesan, telus dan adil. Pengetahuan, kemahiran dan kepakaran penguat kuasa perlu ditingkatkan mengikut keperluan dan kesesuaian perubahan yang sedang dan akan berlaku pada masa hadapan.

Di samping itu, keupayaan penguat kuasa juga boleh dimantapkan melalui sokongan daripada pembangunan dan penambahbaikan peralatan teknikal dan sistem ICT yang boleh memberikan kesan positif kepada keberkesanan, produktiviti dan kos pelaksanaan dasar dan perundangan. Penambahbaikan sistem ICT ini juga perlu diintegrasikan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan penguat kuasa dan kemudahan KKP kepada pihak industri.

KEBERHASILAN

- Sektor awam mengamalkan pengurusan KKP yang berkesan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan penjawat awam terjamin.
- Sektor awam dapat mempengaruhi dan menerapkan Budaya Pencegahan dalam kalangan pihak industri.
- Dasar dan perundangan KKP yang berkesan dapat menangani isu KKP dan mampu menerapkan Budaya Pencegahan di tempat kerja.
- Pengukuhan peranan MNKKP dalam meningkatkan penglibatan, kerjasama dan sumbangan semua pihak yang berkaitan bagi memantapkan tahap KKP negara.
- Pewujudan sistem pengumpulan data yang komprehensif dan pelaksanaan kajian KKP untuk membantu menyelesaikan isu KKP serta mengukur kemajuan dan prestasi KKP negara.
- Peningkatan keupayaan penguat kuasa KKP dalam merancang, membangun dan melaksanakan dasar dan perundangan KKP dengan berkesan.
- Peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan dan kemudahan KKP kepada pihak industri.

PROGRAM DI BAWAH STRATEGI 1:



PROGRAM 1: KERAJAAN SEBAGAI MODEL KKP

Kerajaan memperkenalkan pelbagai kaedah dan pendekatan yang boleh digunakan untuk mengubah tingkah laku majikan dan pekerja melalui dasar, perundangan, penyampaian maklumat, pendidikan, promosi dan pematuhan perundangan KKP.

Kerajaan boleh menjadi contoh kepada pihak industri dengan memantapkan pengurusan KKP agensi masing-masing dan mengamalkan nilai Budaya Pencegahan. Memperkasakan pengurusan KKP dalam kalangan agensi Kerajaan bukan sahaja dapat menjamin keselamatan dan kesihatan penjawat awam tetapi juga akan menjadi contoh kepada pihak industri untuk bersama-sama menyokong pelan induk ini.

Sebagai majikan terbesar di Malaysia, agensi Kerajaan juga boleh memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap KKP industri dengan menerapkan KKP sebagai syarat yang perlu dipatuhi dalam pemilihan pembekal dan kontraktor yang ingin menyampaikan perkhidmatan mereka kepada Kerajaan.

Justeru, sektor awam akan menjadi contoh dalam pengurusan KKP organisasi dan pada masa yang sama menyokong program penggalakan bagi meningkatkan tahap KKP dalam kalangan pihak yang berurusan dengan agensi masing-masing.

KEBERHASILAN

- Peningkatan kecekapan pengurusan KKP sektor awam bagi memastikan keselamatan dan kesihatan penjawat awam terjamin.
- Penerapan KKP dalam urusan Kerajaan sebagai syarat yang perlu dipatuhi oleh penyampai perkhidmatan kepada Kerajaan.
- Sektor awam sebagai model KKP yang dapat mempengaruhi pembentukan Budaya Pencegahan dalam kalangan pihak industri.



PROGRAM 2: PERKONGSIAN KKP NEGARA (MNKKP)

Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) merupakan badan tripartite tertinggi KKP negara yang berupaya memainkan peranannya menguruskan dan menyelaraskan pihak berkepentingan supaya terlibat sama mengemukakan input bernas dalam pembentukan dasar dan perundangan KKP negara.

Inisiatif lain yang boleh diambil oleh MNKKP dalam pembentukan Budaya Pencegahan adalah dengan menggalakkan pihak industri melalui pendekatan peraturan sendiri untuk membangunkan garis panduan dan tataamalan industri KKP. Seterusnya, MNKKP boleh memperkasakan program promosi dan anugerah KKP kepada pihak industri dengan meningkatkan penglibatan dan aktiviti jangkauan dalam kalangan pihak industri ke arah peningkatan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran KKP.

KEBERHASILAN

- MNKKP meningkatkan penglibatan dan sokongan semua pihak dalam usaha meningkatkan tahap KKP negara.
- Peningkatan aktiviti jangkauan dalam kalangan kumpulan sasar untuk program promosi dan penggalakan Budaya Pencegahan.



PROGRAM 3: DASAR DAN PERUNDANGAN

Dasar dan perundangan KKP mestilah berkesan selaras dengan perubahan, sesuai mengikut kehendak industri dan mampu menerapkan Budaya Pencegahan di tempat kerja.

Selaras dengan perubahan semasa kesan daripada pembangunan industri negara, dasar dan perundangan KKP perlu sentiasa disemak, ditambah baik dan dikemas kini bagi memastikan keberkesanannya. Semua pihak berkepentingan terutamanya majikan, pekerja dan pihak lain diberikan peluang untuk mengemukakan input dan pandangan dalam hal ini.

KEBERHASILAN

- Dasar dan perundangan KKP yang berkesan dapat menangani isu KKP dan mampu menerapkan Budaya Pencegahan di tempat kerja.



PROGRAM 4: DATA DAN KAJIAN KKP

Penyelesaian isu dan pengukuran prestasi KKP negara amat bergantung pada pengumpulan data yang komprehensif dan pelaksanaan kajian KKP.

Kerajaan perlu terus memperkasakan sistem pengumpulan dan analisis data KKP negara bagi mengenal pasti keutamaan dan pendekatan yang berkesan dalam menangani isu KKP dan juga untuk tujuan mengukur kemajuan dan prestasi KKP negara.

Bagi melengkapkan pengumpulan data KKP ini, kajian tentang isu KKP perlu diteruskan dan ditingkatkan. Pengenalpastian punca kepada isu KKP hasil daripada kajian yang dijalankan amatlah berguna dalam menentukan langkah-langkah pembetulan bagi tujuan penyelesaian masalah KKP.

Maklumat yang diperolehi seterusnya boleh dikongsi dengan pihak industri dan pihak berkepentingan demi manfaat bersama. Seterusnya, ini juga akan memastikan kelangsungan pembangunan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran KKP. Keupayaan dan infrastruktur kajian KKP akan dimantapkan melalui kolaborasi di peringkat nasional dan antarabangsa untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan yang efisien dan efektif.

KEBERHASILAN

- Pewujudan sistem pengumpulan data KKP yang komprehensif bagi memantau kemajuan dan prestasi KKP negara.
- Peningkatan bilangan kajian KKP yang menyumbang kepada penyelesaian isu KKP negara.
- Peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran semua pihak dalam KKP.



PROGRAM 5: KEUPAYAAN PENGUAT KUASA

Bagi menangani isu KKP yang semakin kompleks, mencabar dan sentiasa berubah, keupayaan penguat kuasa dari segi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran perlu terus ditingkatkan.

Program khusus perlu dirangka dan dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan mereka dari aspek penilaian, perancangan, pelaksanaan, penguatkuasaan dan membuat keputusan secara tepat, adil dan berintegriti. Peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran penguat kuasa ini akan turut meningkatkan keupayaan mereka dalam memberikan khidmat nasihat dan seterusnya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan KKP kepada pihak industri.

Keupayaan penguat kuasa seterusnya boleh dimantapkan melalui sokongan daripada pembangunan dan penambahbaikan peralatan teknikal dan sistem ICT yang boleh memberikan kesan positif kepada keberkesanan, produktiviti dan kos pelaksanaan dasar dan perundangan. Penambahbaikan sistem ICT ini juga perlu diintegrasikan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan penguat kuasa dan kemudahan KKP kepada pihak industri.

KEBERHASILAN

- Peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran penguat kuasa.
- Penambahbaikan peralatan teknikal dan sistem ICT yang boleh meningkatkan keberkesanan, produktiviti dan kos pelaksanaan dasar dan perundangan.
- Peningkatan kualiti perkhidmatan penguat kuasa kepada pihak industri.



STRATEGI 2

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN KKP DI TEMPAT KERJA

PROGRAM 1: PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN KKP

PROGRAM 2: BANTUAN PEMATUHAN KKP

PROGRAM 3: PROMOSI BUDAYA PENCEGAHAN

PROGRAM 4: INOVASI KKP

PROGRAM 5: PENGUATKUASAAN KKP BERKESAN

PROGRAM 6: MENINGKATKAN BILANGAN DAN KUALITI PENGAMAL KKP

KEBERHASILAN

- Peningkatan kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan komitmen majikan dan pekerja dalam pengurusan KKP secara berkesan.
- Peningkatan pematuhan perundangan KKP.

STRATEGI 2

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN KKP DI TEMPAT KERJA

AKTA 514



Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) memperuntukkan bahawa tanggungjawab utama dalam memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah terletak pada pihak majikan. Strategi ini memfokuskan kepada peningkatan pengurusan KKP yang cekap dan berkesan dalam kalangan majikan bagi mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

Komitmen yang tinggi dituntut daripada pihak majikan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang pengurusan risiko yang berkaitan dengan bahaya di tempat kerja. Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu dijalankan pada setiap peringkat dalam sesebuah organisasi, iaitu daripada peringkat pengurusan atasan sehingga kepada peringkat pekerja. Pengetahuan dan kemahiran KKP yang baik dalam kalangan majikan dan pekerja dapat meningkatkan pematuhan perundangan KKP dan seterusnya menjamin kejayaan program KKP di tempat kerja.

Satu lagi aspek penting dalam meningkatkan tahap KKP adalah penglibatan orang yang kompeten (OYK) dalam bidang KKP. OYK seperti pegawai keselamatan dan kesihatan, penyelia keselamatan tapak bina, pengendali kren, juruteknik higien, penyelia kemasukan ruang terkurung dan lain-lain memainkan peranan penting dalam membantu pihak pengurusan melaksanakan pengurusan KKP yang berkesan di tempat kerja. Oleh yang demikian, bilangan OYK perlu dipastikan mencukupi berdasarkan keperluan pihak industri. Selain itu, kualiti OYK juga perlu ditambah baik dari semasa ke semasa melalui semakan ke atas silibus latihan yang dijalankan.

Dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2010-2015 (OSH-MP 15), pihak Kerajaan melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah memperkenalkan satu program baharu, iaitu program bantuan pematuhan. Melalui



- Penyelia Kemasukan Ruang Terkurung
- Pegawai Keselamatan & Kesihatan
- Pengendali Kren
- Penyelia Keselamatan Tapak Bina
- Juruteknik Higien



program tersebut, perkembangan positif dapat dilihat menerusi peningkatan tahap pematuhan KKP di tempat kerja yang melibatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Program tersebut perlu diteruskan bagi membantu PKS yang kebanyakannya mempunyai kekangan dalam melaksanakan KKP di tempat kerja.

Selain itu, Kerajaan juga akan berusaha untuk mewujudkan satu platform perkongsian amalan KKP terbaik bagi membolehkan pihak industri berkongsi idea penyelesaian yang kreatif dan inovatif dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan sesama mereka.

Sebagai pemacu utama OSHMP 2020, penguat kuasa perlu meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dasar dan perundangan KKP dalam meningkatkan tahap pematuhan di sektor industri. Penguatkuasaan ini perlu dirancang mengikut keutamaan risiko dan isu KKP bagi mempengaruhi dan meningkatkan keupayaan pengurusan industri dalam menangani isu KKP di tempat kerja. Sektor berisiko tinggi seperti pembinaan, pertanian, pembuatan dan perkhidmatan akan diberikan keutamaan dalam pelaksanaan strategi ini.

KEBERHASILAN

- Peningkatan kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan komitmen majikan dan pekerja dalam pengurusan KKP secara berkesan.
- Peningkatan pematuhan perundangan KKP.

PROGRAM DI BAWAH STRATEGI 2:



PROGRAM 1: PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN KKP

Majikan dan pekerja memerlukan keupayaan yang mencukupi dari segi pengetahuan, kemahiran dan kompetensi dalam menguruskan risiko dengan berkesan.

Pihak berkepentingan sama ada majikan, pengurus, penyelia, pekerja atau kontraktor perlu dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang berkaitan bagi membolehkan mereka mengenal pasti hazard dan menilai risiko dengan lebih baik serta mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengawal dan menguruskan risiko.

Dalam mencapai keberhasilan program ini, majikan perlu menjalankan tanggungjawab mereka bagi memastikan mereka dan para pekerja untuk mendapatkan latihan KKP sepertimana yang diperuntukkan di bawah perundangan KKP melalui penguatkuasaan dan promosi.

KEBERHASILAN

- Peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi KKP dalam kalangan majikan dan pekerja.
- Peningkatan kecekapan pengurusan KKP industri melalui pengurusan risiko yang berkesan.



PROGRAM 2: BANTUAN PEMATUHAN KKP

PKS memainkan peranan penting dalam mendorong pertumbuhan, guna tenaga dan pendapatan negara serta menjadi tunjang kepada transformasi ekonomi negara.

Bagi merealisasikan Wawasan 2020, ke arah pembentukan negara maju berpendapatan tinggi, ia pastinya usaha yang mencabar dan memerlukan satu pendekatan baharu bagi menggiatkan pertumbuhan PKS. Selari dengan pertumbuhan industri PKS, aspek keselamatan dan kesihatan di sektor ini perlu diberikan perhatian yang lebih mendalam untuk mewujudkan tempat kerja yang selamat, sihat dan produktif.

Berdasarkan kejayaan awal program bantuan pematuhan yang telah dilaksanakan di bawah OSH-MP 15, ia akan diteruskan serta ditingkatkan keberkesannya di bawah OSHMP 2020 bagi membantu PKS menangani isu KKP dan seterusnya meningkatkan tahap pematuhan KKP di tempat kerja masing-masing.

KEBERHASILAN

- Peningkatan tahap pematuhan KKP dalam kalangan PKS.
- Peningkatan pengetahuan KKP dalam kalangan PKS.



PROGRAM 3: PROMOSI BUDAYA PENCEGAHAN

Memupuk dan mengekalkan Budaya Kerja Selamat dan Sihat melibatkan pelbagai cara dalam usaha meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan komitmen majikan dan pekerja terhadap KKP.

Disebabkan kepelbagaian kaedah dan potensinya untuk mencapai sasaran yang besar, maka promosi dilihat sebagai salah satu cara yang sangat penting dan berkesan. Promosi dapat membantu memupuk Budaya Pencegahan dalam kalangan pihak industri, pihak berkepentingan dan orang awam melalui perkongsian pengetahuan, amalan terbaik dan maklumat KKP.

Program promosi Budaya Pencegahan perlu diperkasakan keberkesannya dengan pendekatan yang strategik dan berfokus. Semua pihak mestilah bekerjasama dan memainkan peranan mereka mempromosikan Budaya Pencegahan melalui pelbagai pendekatan yang berkesan seperti seminar, ceramah, dialog, video, poster, artikel dan sebagainya. Selaras dengan strategi dan program yang dirangka di bawah OSHMP 2020, keutamaan harus diberikan kepada tempat kerja yang berisiko tinggi dalam merancang aktiviti promosi dan penekanan mestilah ditumpukan pada penerapan Budaya Pencegahan.

KEBERHASILAN

- Peningkatan kesedaran, pengetahuan dan komitmen majikan dan pekerja terhadap Budaya Pencegahan.



PROGRAM 4: INOVASI KKP

Isu KKP di tempat kerja menjadi lebih kompleks seiring dengan kemajuan teknologi dalam melaksanakan kerja.

Dengan ini, kaedah pengurusan KKP yang lebih kreatif dan inovatif diperlukan bagi memastikan isu berkenaan dapat ditangani secara komprehensif dan kos efektif. Walaupun terdapat banyak inovasi yang telah dan sedang dijalankan oleh majikan, pekerja dan pengamal KKP dalam menangani isu KKP, namun ia kurang diketengahkan untuk dikongsi dalam kalangan pihak industri. Program ini dapat mewujudkan satu platform perkongsian inovasi secara fizikal dan maya bagi membolehkan pihak berkepentingan berkongsi idea yang kreatif dan inovatif dalam bidang KKP seiring dengan kecemerlangan produktiviti. Selain itu, Kerajaan akan memberikan pengiktirafan kepada individu atau kumpulan yang menghasilkan inovasi KKP yang cemerlang.

**KEBERHASILAN**

- Pengumpulan dan perkongsian kaedah penyelesaian KKP yang kreatif dan inovatif untuk membantu pihak industri dalam pengurusan KKP yang cekap dan berkesan.

**PROGRAM 5: PENGUATKUASAAN KKP BERKESAN**

Penguatkuasaan KKP yang berkesan merupakan program penting di bawah OSHMP 2020 kerana ia boleh digunakan sebagai mekanisme bagi memastikan semua dasar, perundangan dan program KKP dipatuhi dan diikuti supaya pembentukan Budaya Pencegahan dalam kalangan pihak industri dapat dicapai.

Selain membina keupayaan penguat kuasa KKP di bawah Strategi 1, keberkesanan penguatkuasaan akan turut ditingkatkan melalui pemerkasaan dasar dan strategi penguatkuasaan. Bagi dasar penguatkuasaan, penambahbaikan akan dibuat kepada kaedah penilaian, membuat keputusan, ketelusan dan integriti. Manakala bagi strategi penguatkuasaan pula, strategi yang lebih berkesan perlu dirangka melalui kaedah analisis data KKP untuk menentukan keutamaan, bidang tumpuan dan kaedah terbaik dalam mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan KKP, kerjasama dan kolaborasi dengan agensi atau pihak lain yang berkaitan akan dilakukan sekiranya perlu.

KEBERHASILAN

- Pewujudan penguatkuasaan yang strategik dan berkesan
- Peningkatan tahap pematuhan perundangan KKP di tempat kerja.

**PROGRAM 6: PENINGKATAN BILANGAN DAN KUALITI PENGAMAL KKP**

Pengamal KKP memainkan peranan penting dalam memberikan khidmat kepakaran KKP di tempat kerja.

Antara peranan penting yang boleh dimainkan oleh pengamal KKP adalah membantu majikan dalam aspek pematuhan akta dan mencadangkan kaedah penyelesaian isu KKP di tempat kerja. Oleh itu, Kerajaan akan terus memberikan fokus untuk mencukupkan bilangan dan meningkatkan kualiti pengamal KKP dalam memantapkan perkhidmatan pengamal KKP kepada pihak industri.

Bagi meningkatkan bilangan pengamal KKP, program promosi akan dijalankan untuk menggalakkan pembukaan pusat pengajar baharu dan pembukaan cawangan baharu oleh pusat pengajar sedia ada. Inisiatif ini dijangka akan membuka peluang kepada pusat pengajar untuk bersaing dan memudahkan akses pengamal KKP mendapatkan peluang latihan, selain mengurangkan kos industri.

Sementara itu, untuk meningkatkan lagi kualiti latihan pusat pengajar, Kerajaan akan menyemak dan menambah baik syarat yang berkaitan dengan fasiliti, modul atau silibus, tenaga pengajar, peperiksaan dan lain-lain yang perlu dipatuhi oleh pusat pengajar.

KEBERHASILAN

- Peningkatan bilangan pengamal KKP selaras dengan kehendak industri
- Peningkatan kualiti latihan KKP kepada pengamal KKP untuk menyokong program keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja secara berkesan.

the 1990s, the number of people in the UK who are aged 65 and over has increased from 10.5 million to 13.5 million (1990-2000) (ONS 2001).

There is a growing awareness of the need to address the health care needs of the elderly population. The Department of Health (2000) has set out a strategy for the NHS to meet the needs of the elderly population. This strategy is based on the following principles:

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a timely and effective manner.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is cost-effective.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is sustainable.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is equitable.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is accessible.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is acceptable.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is effective.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is efficient.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is safe.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is secure.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is sound.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is stable.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is strong.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is successful.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is sustainable.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is equitable.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is accessible.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is acceptable.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is effective.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is efficient.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is safe.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is secure.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is sound.


• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is stable.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is strong.

• The NHS should be able to meet the needs of the elderly population in a way that is successful.

KEBERHASILAN

- Perkongsian KKP yang kukuh melalui konsep kebertanggungjawaban dan peraturan sendiri dalam kalangan pihak yang berkaitan bagi mempromosikan dan memupuk Budaya Pencegahan.
- Peningkatan kesedaran, tanggungjawab, pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan majikan, pekerja dan orang awam.



STRATEGI 3

PERKONGSIAN DAN JARINGAN KKP

PROGRAM 1: RANGKAIAN DAN RANTAIAN PEMBEKALAN

PROGRAM 2: KKP MELALUI AKTIVITI PERSATUAN

PROGRAM 3: KKP MELALUI TANGGUNGJAWAB SOSIAL

PROGRAM 4: KKP KEPADA BAKAL PEKERJA

STRATEGI 3

PERKONGSIAN DAN JARINGAN KKP



Perkongsian secara meluas yang mengintegrasikan pelbagai lapisan masyarakat dalam mempromosikan Budaya Pencegahan menjadi fokus utama di bawah strategi ini. Tiada entiti tunggal dapat menangani segala cabaran yang perlu diatasi. Pihak yang mempunyai hubung kait dengan industri dan pekerja harus melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi menyokong usaha Kerajaan mencapai matlamat OSHMP 2020.

Pencapaian matlamat OSHMP 2020 memerlukan sokongan semua pihak yang berkaitan untuk memenuhi tanggungjawab dan melaksanakan peranan mereka. Ini penting kerana keberhasilan daripada pelan induk ini akan memberikan kesan positif kepada kualiti persekitaran kerja, produktiviti dan kualiti hidup. Jika semua pihak bekerjasama dan bergerak secara sinergi, potensi untuk maju boleh dikatakan tidak terbatas.



Semua pihak yang berkaitan boleh menjayakan pelan induk ini dengan menyumbang tenaga dan memberikan sokongan dalam menggalakkan dan memupuk Budaya Pencegahan melalui pematuhan undang-undang, pendidikan, jalinan rangkaian pembekal perniagaan, aktiviti tanggungjawab sosial dan aktiviti kemasyarakatan.

Sumbangan boleh diberikan dalam bentuk khidmat nasihat, perundingan, perkongsian maklumat, amalan terbaik, di samping membangunkan garis panduan dan piawaian KKP industri, menyediakan latihan serta menjalankan promosi dan kempen KKP.

Institusi pendidikan juga boleh menyumbang kepada pelan induk ini dengan mengintegrasikan KKP dalam aktiviti pendidikannya untuk memupuk kesedaran KKP dalam kalangan pelajar atau bakal pekerja dan melahirkan pakar dalam bidang KKP. Mereka juga boleh menyumbang dengan menjalankan lebih banyak penyelidikan yang berkaitan dengan KKP dalam membantu negara mencari penyelesaian isu KKP.

Komitmen industri dan semua pihak yang terlibat amat diperlukan bagi menjayakan strategi ini. Kerajaan akan menjadi pemangkin dalam mempengaruhi dan menggalakkan penglibatan semua pihak ke arah mencapai visi OSHMP 2020.



KEBERHASILAN

- Perkongsian KKP yang kukuh melalui konsep kebertanggungjawaban dan peraturan sendiri dalam kalangan pihak yang berkaitan bagi mempromosikan dan memupuk Budaya Pencegahan.
- Peningkatan kesedaran, tanggungjawab, pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan majikan, pekerja dan orang awam.

PROGRAM DI BAWAH STRATEGI 3:



PROGRAM 1: RANGKAIAN DAN RANTAIAN BEKALAN

Senario ekonomi negara dan global pada hari ini menunjukkan bahawa sektor perniagaan semakin bergantung pada penggunaan perkhidmatan luar dalam menjalankan sebahagian aktiviti dan proses mereka.

Trend perkhidmatan luar dan rantai bekalan yang menjadi semakin penting memberikan implikasi terhadap persekitaran kerja, keselamatan dan kesihatan pekerja syarikat pembekal dan pemberi kontrak.

Program ini menekankan tentang tanggungjawab organisasi dalam menguruskan pembekal barangan dan perkhidmatan agar mematuhi perundangan KKP serta dasar dan prosedur KKP organisasi.

Dengan berbuat demikian, organisasi yang mempunyai program KKP yang mantap bukan sahaja akan mematuhi perundangan KKP tetapi juga secara tidak langsung akan menyumbang kepada OSHMP 2020 dengan membantu meningkatkan kesedaran KKP dalam kalangan pembekal barangan dan perkhidmatan melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman KKP mereka. Organisasi boleh mempengaruhi kontraktor, vendor dan pembekal melalui:

- KKP sebagai salah satu syarat dalam pemilihan kontraktor, vendor dan pembekal
- Latihan KKP
- Sistem pasport keselamatan
- Maklumat dan penyeliaan KKP
- Pematuhan prosedur KKP organisasi
- Program bimbingan KKP

KEBERHASILAN

- Penerapan dan pementapan pengurusan KKP ke atas pembekal oleh organisasi.
- Peningkatan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran KKP dalam kalangan pembekal.



PROGRAM 2: KKP MELALUI AKTIVITI PERSATUAN

Semua persatuan majikan, kesatuan sekerja, persatuan perniagaan, badan profesional dan NGO yang berkaitan perlu menyokong pelan induk ini sebagai rakan kongsi OSHMP 2020 bagi tujuan mempromosikan Budaya Pencegahan dalam kalangan ahli dan komuniti dengan mengintegrasikan KKP dalam aktiviti tahunan mereka.

Perkongsian ini penting kerana ia boleh meningkatkan pencapaian sasaran yang lebih besar dan mempercepat usaha ke arah mencapai objektif strategi ini.

Antara aktiviti dan program yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran KKP dalam kalangan ahli mereka adalah melalui perkongsian maklumat, amalan terbaik, seminar, sambutan Minggu KKP dan Hari KKP Sedunia, serta pembangunan tataamalan industri, garis panduan, modul latihan dan lain-lain.

KEBERHASILAN

- Peningkatan penglibatan persatuan dan pihak lain dalam penerapan Budaya Pencegahan dan peraturan sendiri.
- Peningkatan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran KKP dalam kalangan ahli.



PROGRAM 3: KKP MELALUI TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Masyarakat yang bertanggungjawab bukan sekadar bermakna mematuhi undang-undang, tetapi juga sanggup membuat pelaburan yang besar terhadap modal insan, alam sekitar dan hubungan dengan pihak berkepentingan.

Tidak dinafikan bahawa tugas memastikan persekitaran kerja yang selamat dan kesihatan pekerja yang baik termasuk dalam tanggungjawab organisasi dan ini seterusnya boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial. Inisiatif ini boleh diperluas bagi meliputi orang lain yang terdedah kepada risiko aktiviti kerja kerana mereka juga perlu dilindungi.

Justeru, fokus program ini adalah untuk menggalakkan dan mempromosikan KKP bukan sahaja dalam kalangan organisasi tetapi juga melibatkan pengamal, persatuan perniagaan, kesatuan sekerja, dan pihak industri untuk mengintegrasikan KKP dalam program tanggungjawab sosial mereka demi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran KKP dalam kalangan komuniti perniagaan dan orang awam. Antara inisiatif tanggungjawab sosial yang boleh dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- Meningkatkan kesedaran melalui program KKP.
- Berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik, membangunkan garis panduan dan piawaian.
- Melaksanakan projek perintis KKP.
- Menjalankan kerjasama yang inovatif antara pihak NGO, sektor awam dan swasta.

KEBERHASILAN

- Peningkatan penglibatan organisasi, persatuan dan pihak lain yang berkaitan dalam mempromosikan Budaya Pencegahan kepada masyarakat.
- Peningkatan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran KKP dalam kalangan pihak industri dan orang awam.



PROGRAM 4: KKP KEPADA BAKAL PEKERJA

Pelajar adalah modal insan yang penting kepada negara. Mereka merupakan generasi baharu tenaga kerja yang berperanan memacu Malaysia ke arah pencapaian yang lebih baik.


Ini menunjukkan betapa pentingnya untuk melengkapkan mereka dengan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran KKP supaya aset terpenting ini akan sentiasa dilindungi. Kemajuan telah dicapai di bawah OSH-MP 15 dalam mempromosikan KKP di peringkat sekolah, institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional, serta institusi pengajian tinggi dengan memupuk kesedaran, pengetahuan dan kemahiran KKP. Melangkah ke hadapan, strategi ini akan memberikan tumpuan kepada penerapan KKP dalam sistem pendidikan dan kemahiran negara.

KEBERHASILAN

- Bakal pekerja akan mempunyai tahap kesedaran, pengetahuan dan kemahiran KKP yang mencukupi sebelum melangkah ke alam pekerjaan.
- Penghasilan profesional yang dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan kompetensi KKP.

KEBERHASILAN

- Peningkatan tahap pengurusan higien industri di tempat kerja.
- Peningkatan kesedaran, pengetahuan dan komitmen majikan, pekerja dan pengamal KKP terhadap higien industri.
- Peningkatan kesedaran dan komitmen untuk melaporkan penyakit dan keracunan pekerjaan.
- Pemantapan penguatkuasaan perundangan berkaitan higien industri yang lebih berkesan.



STRATEGI 4

PENGARUSPERDANAAN HIGIEN INDUSTRI

PROGRAM 1: MEREKAYASA PENGURUSAN HIGIEN INDUSTRI

PROGRAM 2: PENAKSIRAN RISIKO KESIHATAN YANG MENYELURUH

PROGRAM 3: PROGRAM PERKHIDMATAN KESIHATAN PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA

PROGRAM 4: PROGRAM JANGKAUAN HIGIEN INDUSTRI

PROGRAM 5: PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN BERKAITAN HIGIEN INDUSTRI YANG BERKESAN

STRATEGI 4

PENGARUSPERDANAAN HIGIEN INDUSTRI



Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan memfokus kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), dengan 131 Projek Titik Permulaan (EPP) yang diunjurkan mampu menyumbang sekitar RM129.5 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) dan mewujudkan 313,741 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Dalam memacu perkembangan ekonomi yang pesat ini, pelbagai industri dan pekerjaan sokongan turut dijangka akan diwujudkan bagi menampung perkembangan ekonomi sedia ada. Tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam memastikan para pekerja sentiasa dilindungi daripada sebarang hazard keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Penyakit dan keracunan pekerjaan bukan sahaja menjadi beban kepada pekerja yang mungkin hilang punca pendapatan tetapi juga memberikan impak yang signifikan kepada sumber tenaga kerja negara dalam jangka masa panjang sekiranya masalah ini tidak dikenal pasti dan dicegah di peringkat awal. Selain itu, produktiviti, ekonomi dan daya saing negara akan turut terjejas, lantas meningkatkan perbelanjaan kesihatan Kerajaan.

Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), dianggarkan 2.34 juta kematian berlaku setiap tahun yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan. Penyakit dan keracunan pekerjaan menyumbang kepada sebahagian besar daripada kes kematian berkenaan. Tambahan pula, dengan pembangunan pesat teknologi semasa dan perubahan keadaan persekitaran kerja yang baharu menyebabkan amalan higien industri menjadi lebih rumit dan mencabar dalam mengenal pasti sesuatu jenis penyakit dan keracunan pekerjaan.

Namun begitu, penyakit dan keracunan pekerjaan pada masa ini masih dilihat tidak begitu penting berbanding dengan kemalangan industri walaupun kematian akibat penyakit pekerjaan telah menyebabkan peningkatan jumlah kematian pekerja berbanding dengan kematian akibat kemalangan industri. Pihak industri lebih memfokus kepada program keselamatan pekerjaan berbanding dengan program higien industri di tempat kerja. Situasi ini berpunca daripada tahap kesedaran yang masih rendah terhadap kepentingan, risiko dan impak penyakit dan keracunan pekerjaan.

Pelbagai program KKP telah dijalankan termasuk penetapan piawaian, promosi dan penguatkuasaan perundangan berkaitan higien industri. Selain itu, program kesedaran untuk melaporkan penyakit dan keracunan pekerjaan juga telah



dilaksanakan. Pada tahun 2011, hanya sebanyak 1,198 kes penyakit dan keracunan pekerjaan dilaporkan berbanding dengan 5,617 kes pada tahun 2015. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan bagi tempoh 2011-2015 adalah sebanyak 13,843 kes.

Walau bagaimanapun, bilangan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan masih lagi rendah jika dibandingkan dengan bilangan pelaporan di negara maju. Ini menunjukkan bahawa isu yang sering dihadapi oleh kebanyakan negara, termasuk Malaysia adalah kes penyakit pekerjaan yang tidak dilaporkan. Antara faktor yang menyumbang kepada pengurangan bilangan pelaporan termasuklah kesukaran untuk mendiagnosis penyakit, kekurangan fasiliti untuk menjalankan ujian dan analisis, serta tahap kesedaran yang kurang memberangsangkan dalam kalangan pengamal perubatan dan majikan tentang kewajipan melaporkan penyakit dan keracunan pekerjaan. Sepanjang beberapa tahun kebelakangan ini, pihak Jabatan telah menunjukkan kemajuan yang baik dalam usaha memupuk kesedaran tentang keperluan pelaporan dan juga penguatkuasaan berkaitan dengan pelaporan penyakit pekerjaan.



Dengan meningkatnya kesedaran dalam kalangan majikan dan pengamal perubatan untuk melaporkan penyakit dan keracunan pekerjaan dalam kalangan pekerja di Malaysia, maka terdapat keperluan segera untuk mengukuhkan keupayaan higien industri termasuk aspek pengurusan kimia dan sistem sokongan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Ini dapat dicapai melalui program pemantapan Budaya Pencegahan di tempat kerja termasuk kesedaran untuk melaporkan penyakit dan keracunan pekerjaan.

Melangkah ke hadapan, satu mekanisme akan diwujudkan untuk meningkatkan tahap pengurusan higien industri di tempat kerja. Selain itu, tindakan yang sewajarnya perlu diambil untuk mencegah dan menangani perkara yang berkaitan dengan penyakit dan keracunan pekerjaan di tempat kerja secara lebih holistik. Kaedah yang sistematik untuk mencegah penyakit dan keracunan pekerjaan di tempat kerja yang melibatkan kerjasama erat antara majikan, pekerja, pengamal KKP dan Kerajaan akan ditingkatkan melalui pelaksanaan program dan aktiviti yang dirangka di bawah strategi ini.

KEBERHASILAN

- Peningkatan tahap pengurusan higien industri di tempat kerja.
- Peningkatan kesedaran, pengetahuan dan komitmen majikan, pekerja dan pengamal KKP terhadap higien industri.
- Peningkatan kesedaran dan komitmen untuk melaporkan penyakit dan keracunan pekerjaan.
- Pemantapan penguatkuasaan perundangan berkaitan higien industri yang lebih berkesan.

PROGRAM DI BAWAH STRATEGI 4:



PROGRAM 1: MEREKAYASA PENGURUSAN HIGIEN INDUSTRI

Dengan adanya program pengurusan kesihatan pekerjaan yang mantap dan sistematik di tempat kerja dapat membantu mengurangkan pendedahan pekerja kepada risiko kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan seperti pendedahan berlebihan kepada bahan kimia, paras kebisingan dan faktor risiko ergonomik.

Program pengurusan kesihatan pekerjaan yang dilaksanakan secara berperingkat, teratur dan sistematik, seperti SOHELP atau Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme, lebih

mudah untuk dilaksanakan oleh majikan dan pengamal KKP berbanding dengan program pengurusan kesihatan pekerja yang bersifat konvensional. Kewujudan program seumpama ini dapat membantu mengubah persepsi terhadap program pengurusan kesihatan pekerja di tempat kerja yang pada kebiasaannya dilihat sebagai sesuatu yang kompleks dan sukar untuk dilaksanakan.

Manakala usaha mengintegrasikan maklumat berkaitan pekerjaan dalam dokumen identiti dan rekod kesihatan pula dapat memudahkan proses penentuan hubungan antara faktor risiko kesihatan di tempat kerja dengan kejadian kes penyakit dan keracunan pekerjaan. Ini membolehkan faktor risiko kesihatan pekerjaan diambil kira dalam mendiagnosis penyakit yang melibatkan individu yang terdedah kepada faktor risiko kesihatan pekerjaan. Selain itu, dengan adanya maklumat berkaitan pekerjaan dalam dokumen identiti dan rekod kesihatan, kes penyakit dan keracunan pekerjaan dapat ditangani daripada puncanya secara menyeluruh serta lebih berkesan dan bukannya setelah ia memberikan kesan mudarat kepada individu yang terdedah kepada faktor risiko kesihatan pekerjaan berkenaan.

KEBERHASILAN

- Peningkatan tahap pengurusan kesihatan pekerja di tempat kerja.



PROGRAM 2: PENAKSIRAN RISIKO KESIHATAN YANG MENYELURUH

Perlindungan ke atas pekerja daripada kesan hazard yang terhasil di tempat kerja merupakan tanggungjawab majikan yang perlu dilaksanakan.

Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, penaksiran risiko kesihatan perlu dijalankan untuk mengenal pasti, menilai dan seterusnya mengawal semua risiko kesihatan yang terhasil daripada aktiviti di tempat kerja.

Pendedahan kepada faktor risiko ergonomik merupakan salah satu hazard yang sering wujud di tempat kerja dan perlu diberikan penekanan yang serius. Oleh itu, penaksiran risiko kesihatan melalui penilaian risiko ergonomik di tempat kerja perlu dijalankan untuk meningkatkan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja dengan mengambil kira faktor ergonomik melalui reka bentuk stesen kerja, peralatan dan persekitaran kerja yang sesuai, selamat dan tidak membahayakan pekerja.

Pelaksanaan kaedah penaksiran risiko kesihatan yang menyeluruh dan komprehensif perlu dijalankan di tempat kerja bagi memastikan tahap kesihatan pekerja dapat ditingkatkan dan seterusnya mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan kondusif.

KEBERHASILAN

- Penggunaan kaedah penaksiran risiko kesihatan yang lebih komprehensif.



PROGRAM 3: PROGRAM PERKHIDMATAN KESIHATAN PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA

Kesihatan di tempat kerja dan persekitaran kerja yang sihat adalah antara aset paling berharga bagi individu, masyarakat dan negara.

Perkhidmatan sokongan kesihatan pekerja memainkan peranan penting bukan sahaja untuk memastikan kesihatan pekerja, tetapi juga memberikan sumbangan positif kepada ekonomi negara melalui peningkatan produktiviti, kualiti produk, motivasi kerja, kepuasan bekerja, dan turut menyumbang kepada keseluruhan kualiti hidup pekerja khususnya dan masyarakat amnya.



Kebanyakan industri di Malaysia tergolong dalam kategori Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Statistik pada tahun 2011 menunjukkan jumlah IKS di Malaysia adalah sebanyak 645,136 yang merangkumi sektor pembuatan, perkhidmatan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian serta pembinaan. Iaitu 97.3% daripada jumlah keseluruhan perniagaan yang berdaftar di Malaysia dengan jumlah pekerja seramai 3,669,259.

Sebelum ini, pihak Jabatan telah mengambil langkah awal dalam menilai tahap kesihatan pekerja di IKS dengan mengadakan Program Asas Perkhidmatan Kesihatan Pekerja (BOHS atau Basic Occupational Health Services). Program ini dijalankan dengan membuat pemeriksaan kesihatan asas ke atas pekerja yang terlibat untuk mengenal pasti di peringkat awal sebarang penyakit pekerjaan di tempat kerja. Berdasarkan statistik daripada program BOHS pada tahun 2013, sebanyak 16% pekerja didapati menghidap penyakit pekerjaan seperti penyakit muskuloskeletal dan penyakit kulit pekerjaan. Perkhidmatan sokongan kesihatan pekerjaan dalam bentuk saringan awal akan menjadi lebih efektif untuk tujuan mengenal pasti dan mencegah penyakit pekerjaan jika disasarkan kepada semua sektor industri di Malaysia.

KEBERHASILAN

- Peningkatan pelaksanaan Program BOHS di tempat kerja.



PROGRAM 4: PROGRAM JANGKAUAN HIGIEN INDUSTRI

Dasar, perundangan dan kepentingan pematuhan perundangan merupakan maklumat KKP yang perlu disalurkan kepada pemain industri dan juga pihak berkepentingan.

Pelbagai kaedah dan pendekatan boleh digunakan untuk menyalurkan maklumat KKP seperti melalui promosi, sebaran maklumat dan pendidikan.

Program jangkauan ini dirangka untuk meluaskan liputan penyampaian maklumat KKP kepada golongan sasar menggunakan perantara melalui persatuan, NGO, pengamal KKP dan disokong oleh Kerajaan. Program jangkauan ini akan memperkenalkan amalan KKP yang baik dan seterusnya diharapkan dapat mempengaruhi pembentukan Budaya Pencegahan.

KEBERHASILAN

- Peningkatan kesedaran majikan, pekerja dan pengamal KKP terhadap higien industri.



PROGRAM 5: PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN BERKAITAN HIGIEN INDUSTRI YANG BERKESAN

Kejayaan dan keberkesanan penguatkuasaan perundangan berkaitan higien industri bergantung pada kewujudan perundangan yang komprehensif dan mantap.

Ini termasuklah kriteria dan piawaian yang dapat dirujuk dengan jelas, keupayaan dan kemahiran penguat kuasa KKP serta pelaksanaan strategi penguatkuasaan yang berkesan. Penguatkuasaan yang berkesan, sistematik dan menyeluruh merupakan mekanisme yang penting dalam memastikan perundangan berkaitan higien industri yang telah digubal dan dirangka itu dapat dipatuhi sepenuhnya oleh pihak industri ke arah pencegahan penyakit dan keracunan pekerjaan secara holistik.

Bagi melestarikan usaha pencegahan penyakit pekerjaan, tumpuan penguatkuasaan secara menyeluruh akan dilaksanakan, iaitu merangkumi penyeragaman pengelasan dan komunikasi hazard oleh pembekal, pengurusan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan oleh majikan, pematuhan perundangan KKP dalam amalan higien industri di tempat kerja dan pemantauan orang yang kompeten bagi membantu

melaksanakan amalan KKP di tempat kerja. Di samping itu, inisiatif untuk meningkatkan pelaporan program pengawasan perubatan dan penyiasatan penyakit pekerjaan merupakan aktiviti penting yang akan dilaksanakan dalam mengenal pasti punca penyakit dan keracunan pekerjaan, dan seterusnya mengenal pasti alternatif terbaik bagi kaedah kawalan dan pencegahan penyakit pekerjaan.

Justeru, proses pemantauan dan penilaian berterusan terhadap pematuhan perundangan akan dilaksanakan untuk mengenal pasti kelemahan dan halangan dalam pelaksanaan atau strategi penguatkuasaan bagi memastikan hala tuju dan objektif yang ditetapkan dapat dicapai.

KEBERHASILAN

- Pemantapan penguatkuasaan perundangan berkaitan higien industri.



STRATEGI 5

KESEPAKATAN STRATEGIK KKP DI PERSADA ANTARABANGSA

PROGRAM 1: KOLABORASI DENGAN INSTITUT DAN PAKAR KKP ANTARABANGSA

PROGRAM 2: KAJIAN PIAWAIAN KKP ANTARABANGSA

PROGRAM 3: JARINGAN KERJASAMA HIGIEN INDUSTRI DI PERINGKAT
KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

KEBERHASILAN

- Kesedaran untuk meningkatkan imej negara dalam bidang KKP ke tahap yang lebih tinggi, dengan memperluas sumbangan dan jaringan kerjasama dalam kalangan negara anggota ASEAN dan di peringkat antarabangsa.
- Malaysia akan memperoleh manfaat dalam bentuk pengetahuan, kemahiran dan maklumat KKP yang terkini.



STRATEGI 5

KESEPAKATAN STRATEGIK KKP DI PERSADA **ANTARABANGSA**

Di persada antarabangsa, Malaysia telah dan sentiasa akan kekal komited membangunkan infrastruktur dan modal insan demi membina reputasi KKP yang baik. Menerusi usaha terdahulu, Malaysia telah menganjurkan sebanyak sembilan program kerjasama teknikal, yang memberikan manfaat kepada 167 peserta dari lebih 16 negara. Dalam tempoh lima tahun, sebanyak 73 kertas kerja telah dibentangkan, dan JKKP turut terlibat dalam membangunkan garis panduan Sistem Pengurusan KKP untuk sektor enterpris kecil dan sederhana dengan kerjasama ASEAN+3.

Selain itu, Malaysia juga telah memainkan peranan penting dalam pembangunan KKP di peringkat antarabangsa di bawah OIC-OSHNet atau Organisation of Islamic Countries for Occupational Safety and Health Network.

Di bawah strategi ini, Malaysia akan terus menggembeng usaha untuk menjalinkan kolaborasi dan kerjasama menangani isu KKP dengan negara luar dan organisasi antarabangsa bagi membantu Malaysia meningkatkan pengetahuan dan kemahiran KKP. Begitu juga, Malaysia akan terus menyumbang kepakaran dalam pembangunan piawaian, latihan, pengetahuan dan pengalaman kepada negara anggota ASEAN, OIC dan negara-negara lain sebagai kesinambungan daripada program di bawah OSH-MP 15. Di samping itu, Malaysia juga akan terus mengkaji piawaian antarabangsa yang bersesuaian untuk diterapkan dalam sistem KKP negara.

KEBERHASILAN

- Kesedaran untuk meningkatkan imej negara dalam bidang KKP ke tahap yang lebih tinggi, dengan memperluas sumbangan dan jaringan kerjasama dalam kalangan negara anggota ASEAN dan di peringkat antarabangsa.
- Malaysia akan memperoleh manfaat dalam bentuk pengetahuan, kemahiran dan maklumat KKP yang terkini.



PROGRAM DI BAWAH STRATEGI 5:

**PROGRAM 1: KOLABORASI DENGAN INSTITUT DAN PAKAR KKP ANTARABANGSA**

Kolaborasi di peringkat antarabangsa akan dapat membantu negara sentiasa didedahkan dengan perubahan semasa, mengetahui hazard dan risiko terbaharu, di samping langkah pengurusannya.

Inisiatif ini berupaya menggalakkan perkongsian maklumat melalui seminar antarabangsa, penerbitan jurnal, dan pembentangan kertas kerja di peringkat antarabangsa, sekali gus meningkatkan amalan KKP di negara dan rantau ini. Melihat ke hadapan, negara tetap komited mengembangkan program kolaborasi sedia ada dengan negara anggota ASEAN, OIC dan negara-negara lain untuk meneroka peluang meningkatkan piawaian KKP di seluruh pelosok rantau ini. Program ini juga merupakan kesinambungan daripada inisiatif terdahulu seperti Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Program Latihan Negara Ketiga (TCTP) dan kursus jangka pendek yang lain serta dikembangkan kepada negara lain yang berpotensi di sekitar rantau ini.

KEBERHASILAN

- Peningkatan hubungan kerjasama antara Malaysia dengan negara serantau dalam usaha pembangunan KKP.
- Pembangunan modal insan dan menyetengahkan pakar KKP negara ke peringkat antarabangsa.
- Peningkatan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang akan memberikan manfaat kepada negara.

**PROGRAM 2: KAJIAN PIAWAIAN KKP ANTARABANGSA**

Bagi merealisasikan hasrat agar industri di Malaysia mampu bersaing di peringkat antarabangsa, pihak industri dapat menambah nilai dengan memenuhi piawaian antarabangsa seperti konvensyen ILO, standard ISO, piawaian EU dan piawaian lain.

Antara inisiatif yang dicadangkan di bawah program ini termasuklah menjalankan kajian tentang piawaian antarabangsa yang relevan untuk meningkatkan piawaian KKP negara selain membantu meningkatkan daya saing produk di peringkat antarabangsa.

KEBERHASILAN

- Peningkatan piawaian KKP negara setanding dengan negara maju.
- Industri mematuhi piawaian dan penarafan antarabangsa.
- Peningkatan produktiviti dan daya saing negara.

**PROGRAM 3: JARINGAN KERJASAMA HIGIEN INDUSTRI DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA**


Jaringan kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam KKP merupakan platform bagi memastikan pelaksanaan pengurusan higien industri di Malaysia seiring dengan perkembangan semasa dan teknologi terkini.

Kerjasama ini dapat dijalin melalui penglibatan aktif dalam program yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan seperti Jawatankuasa Kebangsaan Sistem Terharmoni Global bagi Pengelasan dan Pelabelan Bahan Kimia, Jawatankuasa Kebangsaan Pelan Tindakan Kesihatan Alam Sekitar Kebangsaan dan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Standard SIRIM. Selain itu, penglibatan secara aktif di peringkat antarabangsa bagi memastikan negara memenuhi obligasi yang ditetapkan dalam konvensyen antarabangsa yang berkaitan seperti Konvensyen Keselamatan Bahan Kimia ILO, Konvensyen Rotterdam, Konvensyen Stockholm, Konvensyen Minamata dan Konvensyen Senjata Kimia.

Di samping mendapatkan maklumat terkini dan perkongsian pengalaman dalam pengurusan higien industri sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa, hubungan jaringan kerjasama ini akan dapat meningkatkan dan memantapkan pengetahuan serta menambah baik kecekapan pegawai Jabatan. Pengetahuan dan kecekapan tersebut dapat diterapkan dalam merancang strategi pelaksanaan dan penguatkuasaan perundangan kawalan bagi mencegah penyakit dan keracunan pekerjaan. Ini merupakan nilai tambah dalam penyampaian perkhidmatan Jabatan kepada pihak industri melalui penyebaran maklumat dan sokongan pematuhan.

KEBERHASILAN

- Membantu negara memenuhi obligasi dalam konvensyen berkaitan higien industri di peringkat antarabangsa dan meningkatkan jaringan kerjasama dalam pengurusan higien industri di peringkat kebangsaan.





KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

Aras 2, 3 & 4, Blok D3, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putrajaya

Tel : +603 8886 5000
Fax : +603 8889 2352
Emel : jkkp@mohr.gov.my

www.dosh.gov.my



KKP UNTUK KESEJAHTERAAN KITA